



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 6 MEI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	KILANG PADI PERTAMA LANGKAWI BERNILAI RM8.9 JUTA, NEGARA, KOSMO -12 LANGKAWI JADI PENGELUAR BERAS PULUT TAHUN DEPAN, NASIONAL, BH -21 LANGKAWI PERINTIS PROJEK PADI PULUT, NASIONAL, BH -11 LANGKAWI MILIKI KILANG PADI PERTAMA, DALAM NEGERI, UM -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6. 7.	MADA, KPKM BINCANG PENYELARASAN PERTUKARAN STATUS TANAH SAWAH MINGGU INI, DALAM NEGERI, UM -8 SETUJU SYOR STATUS TANAH MADA DIPINDAH, LOKAL, HM -18 GOVT NOD TO CONVERT MADA LAND FOR DEVELOPMENT, NATIONAL, THE SUN -2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11. 12.	HARUMANIS KEDAH BOLEH ATASI PERLIS, NASIONAL, SH -5 HARUM MANIS KEDAH, LOKAL, HM -23 HARUMANIS KEDAH BOLEH ATASI PERLIS, NEGARA, KOSMO -16 PROJEK PERTANIAN DIKATA PUNCA BANJIR, NEGARA, KOSMO -15 CELEBRATING A RICH RICE CULTURE, FESTIVITY, THE STAR -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kilang padi pertama Langkawi bernilai RM8.9 juta

LANGKAWI – Sebuah kilang padi pertama di pulau perangan ini akan dibina dengan perbelanjaan RM8.9 juta dan dijangka beroperasi pada tahun hadapan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kilang dikendalikan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) itu berupaya memproses semua jenis padi yang ditanam di pulau ini termasuk padi pulut.

"Pada 2023, sebanyak 4,156

tan metrik padi (dari Langkawi) telah dibeli oleh Bernas dan ia perlu dihantar ke kilang Bernas di tanah besar dengan kos pengangkutan yang tinggi.

"Kos tersebut boleh mencecah RM75 setiap tan metrik atau RM300,000 setahun, di samping tempoh penghantaran sehingga tiga hari.

"Ini boleh menjejaskan kualiti padi yang diterima," katanya pada sidang akhbar pada Majlis Perasmian Projek Padi Pulut Langkawi Smart Sawah Berskala

Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan di Pusat Pengumpulan Padi di Kampung Bukit Hanitu, di sini semalam.

Kata beliau, kilang padi yang akan dibangunkan di tapak Pusat Pengumpulan Padi itu mampu mengeringkan sehingga 60 tan metrik padi setiap hari.

"Kilang tersebut juga akan menempatkan mesin pengering padi, gudang padi kering, gudang beras dan hasil sampingannya serta rumah sekam," ujarnya.

Di samping itu katanya, kilang

padi itu juga akan dijadikan sebagai tarikan agropelancongan di pulau ini dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Katanya, konsep rumah kaca akan digunakan bagi membolehkan pengunjung melihat sendiri kaedah pemrosesan padi pulut di kilang berkenaan.

Sementara itu, pada majlis sama, Mohamad turut melancarkan Projek Padi Pulut Langkawi Smart SBB Ala Sekinchan di bawah seliaan Bernas.

"Fasa pertama projek ini melibatkan kawasan seluas 14.78 hektar di Ayer Hangat dengan penglibatan tujuh pesawah.

"Kawasan Ayer Hangat dipilih sebagai lokasi pertama projek ini atas faktor infrastruktur lengkap berbanding kawasan lain serta mempunyai sumber pengairan utama dari Bukit Durian Perangin," jelasnya.

Tambahnya, luas keseluruhan projek dijangka sehingga 540 hektar dengan bilangan maksimum pesawah seramai 326 orang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/5/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Langkawi jadi pengeluar beras pulut tahun depan

Projek SMART SBB di kawasan seluas 14.78 hektar babit tujuh pesawah

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menasaskan Langkawi sebagai antara pengeluar beras pulut utama negara menjelang tahun depan.

Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata sasaran itu dilaksanakan menerusi fasa pertama Projek Padi Pulut Langkawi Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan di Mukim Ayer Hangat, di sini.

"Projek yang dikawal selia oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) itu membabitkan kawasan seluas 14.78 hektar dengan tujuh pesawah serta dijangka menghasilkan tuaian sebanyak enam tan per hektar.

"Jumlah itu dikira baik bagi pesawah di Kedah, kalau di Sekinchan boleh mencecah sehingga 11 tan per hektar," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Projek Padi Pulut Langkawi SMART SBB, di sini semalam.



Mohamad melawat lokasi Program Gelombang Padi Langkawi: Projek Padi Pulut Langkawi SMART SBB, di Mukim Ayer Hangat, Langkawi, semalam.

(Foto ihsan FB Mohamad Sabu)

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengurus Besar Kanan BERNAS, Abdul Rahman Mohd Nasir.

Mohamad Sabu berkata, seiring pelaksanaan projek itu, kerajaan juga akan membina

sebuah kilang padi berkonsepkan agropelancongan berharga RM8.9 juta di Kampung Bukit Hantu, di sini.

Berkonsepkan glass-house

"Kilang padi yang pertama dibangunkan di Langkawi itu berkonsepkan *glass-house* dan diyakini mampu menarik pengunjung, khususnya pelancong

untuk mempelajari dan melihat sendiri padi pulut diproses sehingga menjadi beras.

"Bagi jangka panjang, kilang padi ini yang dijangka siap tahun depan akan berkembang sebagai pusat latihan kepada pesawah dan usahawan yang berminat dalam subsektor agromakanan padi dan beras," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/5/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	11



Mohamad Sabu melakukan demonstrasi menabur benih padi pulut menggunakan dron di tapak projek Smart SBB di Kampung Air Hangat, Langkawi, pada Ahad.

Langkawi perintis projek padi pulut

Usaha KPKM tambah sumber makanan, kurang kebergantungan kepada hasil produk import

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR LANGKAWI

Program Gelombang Padi Langkawi bakal membantu meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara sekali gus mengurangkan kebergantungan import berkaitan hasil produk beras pulut.

Perkara itu dinyatakan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu yang mana usaha menerusi Projek Padi Pulut Langkawi Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) ala Sekinchan itu dilaksanakan di bawah seliaan syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Sebagai sokongan projek, kerajaan juga, menurut beliau, akan membina sebuah kilang padi pertama di Langkawi dengan anggaran kos sebanyak RM8.9 juta di Tapak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi, Kampung Bukit Hantu Mukim Ulu Melaka di sini.

Menteri itu berkata, kilang padi yang dijangka siap pada tahun 2025 dan ia mampu untuk memproses semua jenis padi yang ditanam di

Langkawi itu, selain dapat menjimatkan kos dan masa memproses serta penghantaran produk.

"Saya dimaklumkan pada tahun 2023 sahaja, sebanyak 4,156 tan metrik padi telah dibeli oleh Bernas dan dihantar ke kilang beras Bernas di tanah besar Kedah. "Kos pengangkutan adalah tinggi sehingga mencecah RM75 per tan metrik atau bersamaan RM300,000 setahun selain tempoh masa penghantaran mengambil masa dua hingga tiga hari," katanya.

Mohamad berkata demikian ketika berucap di Pusat Pengumpulan Padi Kampung Bukit Hantu di sini pada Ahad.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan serta beramah mesra bersama peserta projek Smart SBB di Kampung Ayer Hangat di sini yang turut disertai Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar dan Pengurus Besar Kanan Bernas, Abdul Rahman Mohd Nasir.

Pada masa sama, Mohamad memberitahu, matlamat program Smart SBB adalah untuk memastikan keterjaminan makanan negara dan mengurangkan kebergantungan import produk beras pulut di samping mempromosikan amalan pertanian lestari serta agropelancongan Langkawi.

"Ayer Hangat dipilih sebagai lokasi pertama projek ini atas faktor infrastruktur lengkap berbanding kawasan lain di samping mempunyai sumber pengairan utama dari Bukit Durian Perangin," jelasnya.

Tambah beliau, bagi fasa pertama projek, ia melibatkan keluasan 14.78 hek-



Mohamad (kiri) menandatangani papan tanda sebagai simbolik merasmikan projek Smart SBB di Kampung Air Hangat, Langkawi.

tar daripada keseluruhan 540 hektar dengan bilangan maksimum 326 orang pesawah.

Sementara itu, Haslinda menyatakan, Lada menyokong penuh usaha yang digerakkan oleh KPKM itu yang mana ia mampu menjadikan Langkawi sebagai pengeluar utama padi pulut di negara ini.

Salah seorang peserta Smart SBB, Ahmad Zuki Ramli (baju kuning) menerima watiwah permulaan projek di Pusat Pengumpulan Padi Kampung Bukit Hantu, Langkawi.



Langkawi miliki kilang padi pertama

Oleh NUR AMALINA AZMAN

Utusan Malaysia 6/5/2024

LANGKAWI, Sebuah kilang memproses padi bernilai RM8.9 juta bakal dibina di Pulau Langkawi bagi menjamin kualiti hasil pertanian di daerah itu, Menteri Pertanian dan Kelestarian Alam Sekitar, Mohamad Sabu berkata.

Mohamad Sabu berkata, kilang tersebut akan memproses seribu metrik ton padi yang ditanam di pulau itu termasuk padi pulut, padi merah jambu dan padi hitam.

4,156 tan metrik padi dibelanjakan oleh Syarikat Pertanian Nasional Berhad (BerNAS) dan perlu ditanam ke kilang di tanah besar untuk diproses yang melibatkan kos RM100 juta.

"Kos tersebut boleh mencecah sehingga RM75 setiap tan metrik atau RM300,000 setahun di samping memberi pendapatan kepada petani yang menanam padi itu," katanya.

Bekas berkaru dikenikam pada sidang akhbar dengan Pengerusi Langkawi Smart SBB Ali Sekirchan di Pusat Pengumpulan Padi, Kampung Bukit Hantu, di sini semalam.

Mohamad Sabu berkata, kilang padi itu akan dibangunkan di tapak Pusat Pengumpulan Padi berikutan yang mampu mengeringkan sehingga 60 tan metrik padi sehari.

Menambah, kilang tersebut yang diangka beroperasi tahun hadapan akan memampatkan mesin pengering padi, gergaji dan mesin pengaliran beras dan sebagainya ke rumah-rumah di sekitar.

"Di samping itu, kilang yang akan dibina ini, kilang yang



MOHAMMAD Sabu memeriksaan Projek Padi Pulut Langkawi Smart SBB Ali Sekirchan di Pusat Pengumpulan Padi, Kampung Bukit Hantu, Langkawi semalam.

Penggunaan konsep rumah kaca akan dilaksanakan bagi membolehkan petani padi di pulau itu, katanya. Sementara itu, bina pertama projek padi pulut Langkawi Smart SBB Ali Sekirchan di Pusat Pengumpulan Padi, Kampung Bukit Hantu, di sini semalam.

"Penggunaan konsep rumah kaca akan dilaksanakan bagi membolehkan petani padi di pulau itu, katanya. Sementara itu, bina pertama projek padi pulut Langkawi Smart SBB Ali Sekirchan di Pusat Pengumpulan Padi, Kampung Bukit Hantu, di sini semalam.

"Ayer Tangar dipilih sebagai lokasi kerana struktur longgar berbanding kawasan lain dan mempunyai sumber pengairan utama dari bukit Dutaan Perangin," katanya.

Projek ini akan membina bangunan projek padi pulut seluas 540 hektar dengan bilangan maksimum 326 orang pesawah.

MADA, KPKM bincang penyelarasan pertukaran status tanah sawah minggu ini

PETALING JAYA, Lembaga Kajian Pertanian dan Makanan (KPKM) dan Kementerian Pertanian dan Kelestarian Alam Sekitar (MARA) akan memperincikan pertukaran status tanah sawah kepada komersial.

Perincian lanjut mengenai langkah ini akan diumumkan minggu ini oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Saipul Anwar, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Muzaffar Ahmad dan Menteri Pertanian dan Kelestarian Alam Sekitar, Mohamad Sabu.

akan ditentukan oleh Badan Pertanian dan Makanan (BPM) dan Kementerian Pertanian dan Kelestarian Alam Sekitar (MARA) bagi memastikan pertukaran tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar.

Projek ini akan membina bangunan projek padi pulut seluas 540 hektar dengan bilangan maksimum 326 orang pesawah.

Projek ini akan membina bangunan projek padi pulut seluas 540 hektar dengan bilangan maksimum 326 orang pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/5/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18

Setuju syor status tanah Mada dipindah

Jitra: Kerajaan Persekutuan bersetuju pada dasarnya dengan cadangan supaya status tanah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dipindah kepada pembangunan industri dan komersial.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan mengarahkan perkara itu dibincang dengan lebih lanjut oleh pihak yang berkaitan.

“Kita beri pertimbangan umpamanya cadangan di beberapa kawasan yang asalnya Mada, kalau boleh sedikit dari kawasan itu dipindahkan untuk perumahan atau industri dan perniagaan.

“Itu Kerajaan Persekutuan pada dasarnya bersetuju dan saya minta pegawai-pegawai berunding segera supaya dapat mem-

bantu meningkatkan pendapatan negeri Kedah,” katanya berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri Madani peringkat Kedah di sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor serta beberapa menteri Kabinet.

Anwar berkata, Kerajaan Persekutuan juga bersetuju meningkatkan peruntukan bagi projek menaik taraf sistem pengairan di kawasan Mada bagi menajayakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun.

Beliau berkata, peruntukan bagi projek itu, yang sebelum ini membabitkan RM3 bilion, dinaikkan kepada RM5 bilion. - Bernama

Govt nod to convert Mada land for development

JITRA: The federal government has agreed in principle to proposals to convert agricultural land within the Muda Agricultural Development Authority (Mada) area for industrial and commercial development, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said further discussions with relevant parties would be held on this. "We are considering proposals, for example, in certain areas originally under Mada where a portion of the land could be converted for housing, industry or business purposes.

"The federal government has

agreed in principle to this and I urge officials to expedite discussions to help boost Kedah's income," he said at the Kedah-level *Madani Aidilfitri* celebration here on Saturday.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor and several Cabinet ministers also attended the event.

Anwar said the federal government has also agreed to increase allocations to upgrade irrigation systems in the Mada area to facilitate the five seasons in two years padi cultivation initiative.

He said allocations for this, previously at RM3 billion, have been increased to RM5 billion.

Anwar also emphasised the need to assist 2,500 hardcore poor families in Kedah within two months as part of efforts to eradicate hardcore poverty in the state.

He said this required cooperation between the federal and state governments, and directed the Implementation Coordination Unit to oversee this effort.

"I believe, *Insha-Allah*, this cooperation will yield positive results because we do not want these states,

which happen to be Malay and Muslim majority, to be in difficulty."

Anwar said Kedah is one of the states receiving significant allocations from the federal government due to its role and special status in rice production and its contribution to the nation's food security.

"However, there is an issue raised by the state government regarding the burden faced by padi farmers within the impoverished community who need assistance.

"Since last year, the federal government has increased the padi price subsidy scheme from RM350 per

tonne to RM500 per tonne."

Anwar also said there is significant investor interest in the Kulim Hi-Tech Park, and highlighted the need for the country to supply skilled resources through Technical and Vocational Education and Training.

"This is the situation, so I feel that we, both the federal and state governments, should focus on this.

"On May 10, I will launch the first AI faculty in Malaysia. I want our youths to have expertise and skills, and will align it with universities across Malaysia so that we do not lag behind in the field of AI!" — Bernama



Harumanis Kedah berpeluang mendominasi pasaran mangga di Malaysia dalam masa terdekat meskipun baru dilancarkan tahun lalu. - Gambar hiasan

YAN - Harumanis Kedah yang dijenamakan semula sebagai Harumanis D'Aman semakin popular dan diyakini mampu mengatasi Harumanis Perlis pada masa akan datang.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, harumanis Kedah berpeluang mendominasi pasaran mangga dalam masa terdekat di Malaysia meskipun baru dilancarkan tahun lalu.

Beliau berkata, harumanis Kedah dilihat memiliki keluasan saiz dan tanaman melebihi nege-

ri lain.
"D'Aman ini luas tanamannya dan produaknya pun banyak. Harumanis ini asalnya dari Kedah. Varieti itu dari Kedah cuma dikomersialkan di negeri lain."

"Kita ambil balik dan kita namakan D'Aman yang Kedah punya," katanya pada sidang akhbar pada Majlis Penjenamaan Semula Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan di sini pada Ahad.

Menurut Muhammad Sanusi, Kedah juga mempunyai tanaman mangga terbabit yang banyak di-

tanam oleh pihak persendirian, malah ada yang menunjukkan minat menjadi pekebun kecil D'Aman selain Jabatan Pertanian.

"Sekarang kita bersaing rapat walaupun baru mula tahun lepas. Jika tempoh (Harumanis D'Aman) lama lagi, tinggal 80 tiang (jauh meninggalkan harumanis lain)," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata penanaman harumanis Kedah di Pusat Harumanis Kedah akan diperluaskan lagi sekali gus boleh mendominasi pasaran mangga nanti.

Harumanis Kedah boleh atasi Perlis

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/5/2024	HARIAN METRO	LOKAL	23



ORANG ramai membeli Harumanis D'Aman di Yan.

Harum manis Kedah

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Bakal jadi pengeluar utama, tanaman diperluas

Yan

Kerajaan negeri yakin Kedah akan menjadi pengeluar utama mangga harum manis di negara ini selepas usaha meluaskan tanaman buah itu giat dilaksanakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, mangga harum manis Kedah yang dijennamakan sebagai Harumanis D'Aman kini sudah mula meraih perhatian dan jauh lebih popular berbanding harumanis negeri lain walaupun baru dilancarkan tahun lalu.

"Hai, 80 tiang tinggal (jauh meninggalkan) harum manis Perlis dari segi keluasan saiz dan tanaman. D'Aman ini luas tanamannya dan banyak produk dia,



MUHAMMAD Sanusi

harum manis ini asalnya dari Kedah cuma dikomersialkan di negeri lain.

"Kita ada banyak tanaman harum manis yang ditanam oleh persendirian, ramai nanti akan jadi pekebun kecil D'Aman selain Jabatan Pertanian, harum manis Kedah boleh atasi

"Saya yakin Harumanis D'Aman akan mendominasi pasaran dalam beberapa tahun akan datang"

buah di Perlis, sekarang kita bersaing rapat walaupun baru mula tahun lepas kalau tempoh lama lagi, tinggal 80 tiang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Penjenamaan Semula Pusat Teknologi Mempelam Salak kepada Pusat Mempelam Kedah di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri juga berhasrat memperluaskan lagi penanaman harum manis

Kedah di pusat berkenaan.

"Saya yakin Harumanis D'Aman akan mendominasi pasaran dalam beberapa tahun akan datang. Satu sebab kita ingin mengubah nama pusat ini adalah kerana kita melihat potensi yang ada di sini untuk jadi pusat tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Justeru, kita ingin menjadikan pusat ini sebagai pusat pemasaran Harumanis D'Aman dan juga jenis mempelam lain yang ada di Kedah. Kita juga ingin menjadikan pusat ini sebagai pusat penyelidikan, informasi dan rujukan mengenai mempelam, termasuk pembekalan benih dan khidmat nasihat," katanya.

Buah keluaran D'Aman sudah popular, walau baru setahun dilancarkan

Harumanis Kedah boleh atasi Perlis

Oleh JAMLIH ABDULLAH

YAN - Kerajaan negeri yakin harumanis Kedah yang dijana makan sebagai Harumanis D'Aman mampu mendominasi pasarannya di negara ini dalam masa terdekat.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor turut menyifatkan harumanis Kedah itu telah mula meraih perhatian perminatya selain sudah jauh meninggalkan populariti harumanis negeri lain walaupun baru dilancarkan tahun lalu.

"Sudah 80 tiang tinggal (jauh meninggalkan) harumanis Perlis dari segi keluasan saiz dan tanaman. D'Aman ini luas tanamannya dan banyak produk dia. Harumanis ini asalnya dari Kedah, varieti itu dari Kedah cuma dikomersialkan di negeri lain. Kita ambil balik dan kita namakan D'Aman yang Kedah punya.

"Kita ada banyak tanaman harumanis yang ditanam oleh persendirian, nanti ramai akan jadi pekebun kecil D'Aman selain

Teknologi Mempelam Sala yang kini dikenali sebagai Pusat Mempelam Kedah sempena Festa Mempelam Kedah di sini semalam.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan negeri berhasrat untuk memperluaskan lagi penanaman harumanis Kedah di ladang tersebut sekali gus mendominasi pasaran buah itu di Kedah.

"Saya yakin Harumanis D'Aman akan mendominasi pasaran dalam beberapa tahun akan datang. Satu sebab kita ingin mengubah nama pusat ini adalah kerana kita melihat potensi yang ada di sini untuk jadi pusat tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Justeru kita ingin menjadikan pusat ini sebagai pusat pemasaran Harumanis D'Aman dan juga jenis-jenis mempelam lain yang ada di Kedah. Kita juga ingin menjadikan pusat ini sebagai pusat penyelidikan, informasi dan rujukan mengenai mempelam, termasuk pembekalan benih dan khidmat nasihat," tambahnya.



MUHAMMAD SANUSI (kanan) menandatangani plak pada Majlis Perasmian Penjenamaan Semula Pusat Teknologi Mempelam Sala di Yan semalam.

Jabatan Pertanian. Harumanis Kedah boleh atasi harumanis di Perlis. Sekarang kita bersaing regional 80 tiang," katanya.

Bellau ditemui pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Penjenamaan Semula Pusat



MOHD. AZIZ menunjukkan Sungai Temenin yang perlu diselenggara dan didakwa menjadi punca kepada kejadian banjir kilat di Kampung Temenin Baru, Kota Tinggi Kelantan.

Sungai tak diselenggara burukkan lagi keadaan

Projek pertanian dikata punca banjir

Oleh **MASTURAH SURADI**

KOTA TINGGI – Banjir kilat yang melanda Kampung Temenin Baru di sini kelmarin, dikatakan berpunca daripada projek pertanian yang dilakukan di atas Gunung Pantu selain diburukkan selenggara dengan baik.

Seorang penduduk, Mohd. Aziz Harun, 63, berkata, banjir ini turun dari atas Gunung Pantu yang mana diteroka secara sah untuk projek pertanian.

"Ia diburukkan dengan saliran sungai yang tidak diselenggara dengan baik. Hujan lebat berterusan dalam tempoh tiga jam boleh membuatkan kampung itu dilanda banjir kilat.

"Bila tiada tempat untuk bertahan, air turun ke kawasan kampung ditambah pula dengan saliran yang kurang memuaskan menyebabkan air naik dengan

cepat ke penempatan penduduk.

"Kerja selenggara memang dilakukan di saliran tertentu, namun di bahagian Sungai Temenin di sini, kita dapati tidak dilakukan menyebabkan aliran air tidak lancar. Kawasan itu semakin cetek selain terdapat pokok tumbang yang menghalang aliran air," katanya di sini semalam.

Pesara tentera itu berharap agar pihak berkenaan dapat melakukan kerja penyelenggaraan saliran di sungai terbabit agar penduduk tidak perlu berdepan keadaan banjir setiap kali hujan lebat.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk, Hashimah Awang, 64, berkata, banjir yang berlaku itu juga diluar jangkaan yang sepatutnya semestinya membuat persiapan berdepan bencana itu setiap kali musim monsun.

Katanya, kediamannya dilanda banjir hingga paras betis

ketika dia tiada di rumah.

Ujarnya, dia meninggalkan kediaman pada Jumaat petang untuk ke Johor Bahru sebelum dimaklumkan jiran pada tengah hari kelmarin rumahnya dimasuki air.

"Kami tak tahu di sini hujan lebat kerana ketika keluar rumah keadaan baik-baik sahaja, tiba-tiba jiran hubungi saya memaklumkan rumah saya dilanda banjir.

"Kami terus bergegas balik ketika sampai rumah karpet, gerobok semua sudah basah, air pula sudah mulai surut. Biasanya di sini dalam dua tahun, tiga kali banjir berlaku pada hujung tahun dan awal tahun iaitu musim monsun.

"Tidak sangka pula pada pertengahan tahun dalam keadaan cuaca panas pada masa kini kawasan kampung kami boleh dilanda banjir," katanya.



In some places, buffaloes are still used to plough padi fields.



A young boy harvesting padi.

Celebrating

Sabahans mark Kaamatan

By SANDRA SOKIAL
newsdesk@thestar.com.my

THERE is a long-held belief in Sabah that within every grain of rice resides a spirit known as Bambarayon, or the spirit of padi.

This belief is so deeply ingrained that dropping rice on the floor or leaving even a grain on the plate is considered a grave sign of disrespect. Often, elders would share stories about the "crying rice", a metaphor for the wastage of this precious staple.

However, the two Kadazandusun Cultural Association deputy presidents, Datuk Seri Clarence Bongkos Malakun and Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan, learned these lessons the hard way.

"Just like any kampung-boy back then, we would rush to the padi field after school.

"We endured the heat and the mud, yet those were among my fondest memories said Bongkos.

Padi planting, both Bongkos and Kitingan agreed, was hard work.

"We would begin with mamaladu (ploughing) the field, followed by mamalagus (to evenly plough the land), both processes using traditional equipment drawn by buffaloes.

"When the soil is even, we would do mongintaakas, or weeding, in the ploughed area so that weeds would not grow and affect padi production.

"Next comes mananom (padi planting) where we meticulously place each seedling in a row.

"If the line veers off course, restarting becomes necessary, because every inch is crucial," Bongkos recalled.

During the padi planting, the entire village would unite to assist, adhering to a planting schedule.

"If three persons from the other field come to help us, we reciprocate by sending three helpers from our side when it is their turn to plant padi. And the best memories would be lunchtime. Although the



(Left) A farmer planting padi seedlings in his field. (Below) Villagers gathering to help one another during padi planting as they have a schedule to meet. — Photos by LANO LAN

ng a rich **rice culture**

an, a festival dedicated to honouring the rice harvest.

food was humble, we relished every bite," he said.

About three months later, the padi is ready for harvesting, or locally called mongomot, using hinggaman, a traditional harvesting knife, followed by mongogik (separating the padi from its stalk usually by stepping), manahau (winnowing), monuruh (separating the rice from the husk), and lastly, the rice would be stored in tangkob (padi storehouse).

"I remember that there is always somebody telling stories and asking sundait (riddle) during mongomot at the tabasan (padi field), maybe to kill boredom and lighten the work, besides sharpening the mind to think for answers," said Kiringan, who is also the Deputy Chief Minister and Agriculture and Food Industry Minister.

Bongkos added that the entire process spans months and is quite laborious. "That is why people in the olden days valued and protected rice."

In commemorating the successful harvest and bountiful blessings bestowed upon them by the land, the Kadazandusun, Murut, and Rungus communities celebrate Kaamatan, a festival dedicated to honouring the rice harvest and expressing gratitude to Bambarayon.

Tadau Kaamatan (harvest festival), one of Sabah's biggest traditional festivals, is observed by the ethnic Kadazandusun, Murut, and Rungus communities throughout the state during the month of May, culminating with the state-level celebration at the Hongkod Koisaaan in Penampang on May 30 and 31.

This year, Ranau hosted the official launch of the month-long celebration on May 1, after which each district will organise their respective programmes that showcase traditional dances, music, rituals, and culinary delights, fostering unity and preserving cultural identity among the communities.

Kiringan, meanwhile, said the Kadazandusun, Murut, and Rungus community believe that the Kinoigan (God) and Sumimundu (God's wife) sacrificed

their beautiful and obedient young daughter, Huminodun, to save the people from famine.

Legend has it that after Huminodun's sacrifice, her body transformed into essential food items: her flesh into white rice, heart into dark rice, blood into red rice, head into coconut, fingers into turmeric, and hair into onions. It was after her death that the land became fertile.

"In homage to her selflessness, a traditional beauty pageant is held during the Kaamatan festival to crown the fairest maiden as the Unduk Ngadatu, meaning the woman crowned by sunlight. This event has become the highlight of the festival," he said.

Both KDM and Rungus leaders also agree that the younger generation lacks a profound understanding of the true essence of Kaamatan.

"Today, we have all the machinery to do farming, buffaloes are replaced by tractors. People have the option of not engaging in padi planting, they can just 'harvest' the rice at supermarkets. This disconnect from the hard work involved in padi cultivation reduces Kaamatan to merely a festive occasion," said Bongkos.

Kiringan expressed concern over the dwindling community cohesion, adding: "In the past, people would gather at the river to fetch water, fostering bonds. Nowadays, with water pipes installed in homes and fences separating properties, you probably don't even know your neighbours. That is why people call it the good old days."

Meanwhile, 51-year-old Eddie Angat from Kampung Hungab, Penampang, emphasises the significance of padi cultivation by bringing his children, nephews, and nieces to the padi fields.

"I involve my sons Romoldo and Ricarido, and their cousins, in the process so they can develop a deeper appreciation for rice. We still practise the old way, from using buffaloes to planting in a straight line ... no shortcuts. It adds a special sweetness to celebrating Kaamatan," he said.



Padi grains being placed on a mat before they are stepped on to dehusk them.